

## HUBUNGAN FAKTOR PENGETAHUAN KEMAHIRAN ABAD KE-21 DENGAN FAKTOR UMUR, KELAYAKAN AKADEMIK DAN PENGALAMAN MENGAJAR GURU BAHASA MELAYU DI DAERAH SIBU, SARAWAK

*(The Relationship of Knowledge Factor 21<sup>st</sup> Century Skill with Age Factor, Academic Qualification and Teaching Experience among Malay Language Teachers in Sibu District, Sarawak)*

**SOFIANA HASSAN**

Pejabat Pendidikan Daerah Sibu  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
[anasofia\\_orange@yahoo.com.my](mailto:anasofia_orange@yahoo.com.my)

**ZAMRI MAHAMOD**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Dihantar pada:**

20 November 2018

**Diterima pada:**

31 Oktober 2019

**Koresponden:**

[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 telah diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 sejajar dengan perkembangan pendidikan dalam abad ke-21. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan faktor pengetahuan kemahiran abad ke-21 dengan faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dalam kalangan guru Bahasa Melayu di daerah Sibu, Sarawak. Kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 210 orang guru Bahasa Melayu di daerah Sibu, Sarawak telah menjawab soal selidik tersebut. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah. Data kajian dianalisis menggunakan pakej perisian statistik *The Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Statistik korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatkan korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara pengetahuan guru dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dengan faktor umur dan kelayakan akademik, tetapi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengalaman mengajar. Implikasi kajian ialah faktor pengalaman mengajar memberi impak positif dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Faktor umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, kemahiran abad ke-21, guru Bahasa Melayu

**Abstract:** The study aims to identify the readiness of Malay Language teachers teaching practice 21<sup>st</sup> century. The implementation of the teaching and learning of the 21<sup>st</sup> century have been introduced in the Malaysian Education Development Plan (2013-2025), in line with the development of education in the 21<sup>st</sup> century. This study aims to examine the relationship between teaching knowledge 21<sup>st</sup> century skill with age factor, academic qualification and teaching experience among Malay Language teachers in Sibu District, Sarawak. Studies conducted survey using a questionnaire as an instrument. About 210 teachers of English in Sibu, Sarawak had answered the questionnaire. The sample selected randomly. Data were analyzed using statistical software packages *The Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 23.0. Statistical Pearson correlation was used to describe and test the hypothesis. The Pearson correlation finding that there is no significant relationship between teacher knowledge to applying 21<sup>st</sup> century skill with age factor and academic qualification, but there is a significant relationship with teaching experience. The implication of this study is teaching experience factors have a positive impact on implementation 21<sup>st</sup> century skill in teaching and learning Malay Language teachers.

**Keywords:** Age factor, academic qualification, teaching experience, 21<sup>st</sup> century skill, Malay Language teachers

## PENGENALAN

Salah satu bidang utama di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Areas - NKRA*), Indeks Prestasi Utama (KPI) ialah bidang pendidikan. Bidang pendidikan dalam NKRA ialah berkemampuan dan meluaskan capaian pendidikan yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, pada abad ke-21 pendidikan berkehendakkan setiap pelajar dan guru menguasai pelbagai bidang ilmu untuk bersaing dengan cabaran era globalisasi. Kajian semula telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap sistem pendidikan negara dalam konteks standard pendidikan antarabangsa. KPM (2013) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berikutan daripada kajian tersebut. KPI dalam bidang pendidikan di dalam NKRA akan tercapai apabila setiap guru dan pelajar dapat menguasainya. Cabaran di era abad ke-21 tidak boleh dipandang remeh walaupun proses pengajaran dan pembelajaran merupakan tugas hakiki bagi seorang pendidik. Bidang pendidikan turut menerima tempias ledakan teknologi maklumat di mana guru-guru perlu turut sama menguasainya sama ada secara rela atau pun terpaksa.

Seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini, Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat. Malaysia perlu membawa suatu perubahan untuk menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Perkara-perkara yang perlu dilaksanakan telah diteliti oleh KPM dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Justeru, KPM bermula pada tahun 2014 bersesuaian dengan matlamatnya telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Kemahiran abad ke-21 telah diserap ke dalam semua subjek di sekolah termasuklah subjek bahasa Melayu telah diwujudkan oleh KPM. Usaha gigih kerajaan dalam menyediakan tenaga kerja pada abad ke-21 juga dapat dilihat melalui projek Sekolah Pintar.

Menurut Nur Suhaidah (2011), matlamat pihak kerajaan membina Sekolah Pintar kerana untuk melahirkan generasi Y negara yang kreatif, inovatif, dapat mengadaptasi teknologi terkini, mampu mengakses dan mengurus maklumat serta yang terakhir semestinya untuk menjadikan mereka tenaga kerja yang mempunyai daya saing

yang produktiviti ekonomi negara (Ramlee dan Abu 2004).

Abad ke-21 adalah dari tahun 2001 hingga tahun 2100. Justeru, guru perlu mempunyai kemahiran dalam membuat perancangan program dalam menyokong dan membantu perkembangan pelajar untuk mencari ilmu di dalam dan luar kelas. Pendidik abad ke-21 perlu memiliki pelbagai kemahiran yang dapat membantu mereka mengajar dengan efektif.

## PERNYATAAN MASALAH

Kesediaan guru adalah sangat penting bagi setiap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Ini kerana pelajar merupakan generasi yang bakal memacu negara untuk menjadi negara maju. Para guru perlu meningkatkan potensi dan jati diri penguasaan dan pengaplikasian pembelajaran abad ke-21. Pencapaian akademik dan sahsiah pelajar secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada pelajar.

Dalam melaksanakan pengajaran abad ke-21 di sekolah mendapat bahawa kesediaan seseorang guru itu akan mempengaruhinya. Para pelajar akan mendapat tempiasnya jika seseorang guru itu tidak bersedia untuk melaksanakan sistem pengajaran abad ke-21. Menurut Hamdan dan M. Al-Muzzammil (2014), PPPM 2013-2025 yang dilancarkan oleh KPM sebenarnya menuntut tugas guru dengan skop kerja dan standard pencapaian yang lebih tinggi. Permasalahan berkaitan beban tugas tidak ditangani dengan baik akan menimbulkan keimbangan sama ada guru mampu menggalas cabaran tersebut. KPM (2013) mengakui bahawa pengurusan bilik darjah abad ke-21 adalah isu yang mencabar guru.

Menurut Mohammed Sani dan Jamalul Lail (2012), dalam menentukan kesediaan seseorang guru menerima dan melaksanakan sesuatu perubahan, pengetahuan dan sikap merupakan elemen yang cukup signifikan. Sesi pengajaran di dalam kelas dipengaruhi oleh sikap guru. Penerimaan pengajaran guru kepada pelajar memberi impak yang tinggi melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran. Masih terdapat guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru beranggapan mengubah cara mengajar itu sesuatu yang sukar dan tidak sesuai pada diri mereka.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Zamri (2014), menyatakan bahawa sesuatu kejayaan dan kecemerlangan dalam mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek kemahiran berfikir pelajar sedangkan kemahiran berfikir itu adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar.

Guru perlu mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 di dalam bilik darjah. *Innovatif Teaching and Learning* (ITL 2011) menyatakan pengajaran guru menunjukkan hubungan yang kuat dengan hasil pembelajaran abad ke-21. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja guru yang sudah biasa dalam kemahiran abad ke-21. Menurut Noraini (2015), kefahaman guru terhadap sesuatu konsep akan memberi gambaran yang jelas terhadap tindakan, keputusan dan amalan mereka di dalam bilik darjah. Guru merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan murid untuk menguasai kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah (Saemah & Zamri 2018).

Kesediaan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada aspek pengetahuan berkaitan mata pelajaran yang diajar, kemahiran untuk mengajar subjeknya dan sikap yang perlu dimiliki untuk mengajar kemahiran berfikir (Rajendran 2010). Peningkatan ilmu pengetahuan guru boleh berlaku apabila guru didekah dengan isu-isu berkaitan melalui kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum berkaitan dengan dunia pendidikan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perbezaan dan hubungan antara jantina, umur dan pengalaman terhadap pengajaran abad ke-21 guru Bahasa Melayu di daerah Sibu, Sarawak. Objektif yang disasarkan bagi kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti hubungan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 berdasarkan faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

## HIPOTESIS KAJIAN

Berpandukan objektif kajian, tiga hipotesis nul telah dibina bagi menjawab objektif kajian, iaitu:

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara umur dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelayakan ikhtisas dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan jenis kuantitatif secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Satu set soal selidik digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Kaedah tinjauan yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesediaan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan pengajaran abad ke-21 dari segi umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar.

### Lokasi dan Populasi Kajian

Kajian ini dijalankan di 55 buah sekolah menengah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan/jenis kebangsaan di sekitar daerah Sibu, Sarawak. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah terdiri daripada sekolah di kawasan bandar dan di luar bandar. Responden yang terlibat terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu sahaja. Faktor pemilihan lokasi ini dibuat kerana memenuhi syarat keperluan kajian. Lokasi ini juga merupakan daerah di mana tempat pengkaji bekerja.

Berdasarkan jumlah populasi di kawasan kajian yang dijalankan, saiz sampel adalah ditentukan dengan merujuk kepada jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel adalah menggunakan pensampelan bertujuan di mana sampel kajian ini terdiri daripada guru Bahasa Melayu di daerah Sibu, Sarawak. Terdapat lebih daripada 500 orang guru Bahasa Melayu di 55 buah sekolah yang dikaji.

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi berjumlah 500 orang, maka sampel sekurang-kurangnya 217 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 220 orang guru Bahasa Melayu dipilih untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Namun begitu, daripada 220 soal selidik yang diedarkan, hanya 210 responden yang telah mengembalikan soal selidik tersebut.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang diambil daripada sumber kajian Nurazidawati (2011). Soal selidik yang dibina mengandungi dua bahagian. Bahagian A ialah bahagian demografi atau latar belakang responden. Bahagian B ialah soal selidik mengenai pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima pilihan jawapan iaitu menggunakan skala Likert lima mata. Guru-guru perlu menjawab soal selidik berdasarkan skala Likert lima mata. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima mata, iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

### Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dalam sesuatu merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi (Chua Yan Piaw 2012). Justeru, kajian rintis telah dijalankan kepada 30 orang guru Bahasa Melayu. Tiga buah sekolah, iaitu sebuah sekolah menengah sebanyak 10 orang responden dan dua buah sekolah rendah seramai 20 orang sebagai responden kajian. Guru-guru daripada sekolah kajian rintis tidak diambil sebagai responden kajian.

Data kajian rintis dianalisis untuk mendapatkan nilai alpha Cronbach. Hasil analisis didapati nilai alpha Cronbach bagi tahap pengetahuan ialah 0.913. Ini bermakna item soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Hasil keputusan ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian sebenar tanpa perlu melakukan pengubahaan semula terhadap mana-mana item.

### Analisis Data

Data soal selidik yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 23.0. Data dianalisis secara inferensi untuk melihat hubungan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21. Aras keyakinan 95 peratus ( $p<0.05$ ) digunakan untuk menentukan aras kesignifikan statistik.

Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk mengukur dan menilai hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah selanjur dan linear. Nilai pekali korelasi ini antara -1 hingga +1 menunjukkan tiga kemungkinan hubungan, iaitu hubungan positif (+), hubungan negatif (-) atau tiada hubungan ( $r=0$ ). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pekali korelasi Pearson untuk menjelaskan arah dan kekuatan hubungan antara umur, kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar dengan tahap pengetahuan guru pengajaran abad ke-21.

### DAPATAN KAJIAN

#### Profil Responden Kajian

Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden. Individu yang terlibat bagi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah menengah dan rendah di daerah Sibu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang telah menjawab soal selidik kajian. Profil responden yang diperoleh umur, kelayakan ikhtisas, dan pengalaman mengajar.

JADUAL 1: Profil demografi responden ( $N = 210$ )

Faktor Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Umur	• 20 – 25	3	1.4
	• 26 – 35	38	18.1
	• 36 – 45	72	34.3
	• 46 tahun ke atas	97	46.2
Kelayakan ikhtisas	• Sijil Perguruan	37	17.6
	• Diploma Pendidikan	46	21.9
	• Ijazah Pendidikan	127	60.5
Pengalaman Mengajar	• 1 - 5	16	7.6
	• 6 - 10	26	12.4
	• 11 - 15	48	22.9
	• 16 - 20	24	11.4
	• 21 tahun ke atas	96	45.7
<b>Jumlah</b>		<b>210</b>	<b>100%</b>

### **Hubungan Korelasi antara Umur dengan Pengetahuan Guru terhadap Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berdasarkan Jadual 2, keputusan kajian mendapati nilai  $r = 0.009$ ,  $p = 0.000 < 0.00$ . Oleh itu, hipotesis nul 3 ini telah ditolak. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara umur dengan pengetahuan guru dalam pengajaran abad ke-21. Nilai  $r$  yang rendah mempunyai hubungan yang lemah. Hal ini bermaksud faktor umur tidak mempengaruhi pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.

**JADUAL 2: Keputusan ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara umur dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu**

		Umur	Pengetahuan
Umur	Pearson Correlation	-	0.009
	Sig. (2tailed)	-	0.637
	N	210	210
Pengetahuan Guru	Pearson Correlation	0.009	-
	Sig. (2tailed)	0.637	-
	N	210	210

\*\*Signifikan pada aras signifikan 0.05

### **Hubungan Korelasi antara Kelayakan Ikhtisas dengan Pengetahuan Guru Bahasa Melayu terhadap Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berdasarkan Jadual 3, keputusan kajian mendapati nilai  $r = 0.073$ ,  $p = 0.000 < 0.00$ . oleh itu, hipotesis nul 4 ini telah ditolak. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kelayakan ikhtisas dengan pengetahuan guru dalam pengajaran abad ke-21. Nilai  $r$  yang rendah mempunyai hubungan yang lemah. Hal ini bermaksud faktor kelayakan ikhtisas tidak mempengaruhi pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.

**JADUAL 3: Keputusan ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara kelayakan ikhtisas dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu**

		Pengetahuan Guru	Kelayakan Ikhtisas
Kelayakan ikhtisas	Pearson Correlation	-	0.073
	Sig. (2tailed)	-	0.320
	N	210	210
Pengetahuan Guru	Pearson Correlation	0.073	-
	Sig. (2tailed)	0.320	-
	N	210	210

\*\*Signifikan pada aras signifikan 0.05

### **Hubungan Korelasi antara Pengalaman Mengajar dengan Pengetahuan Guru terhadap Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Berdasarkan Jadual 4, keputusan kajian mendapati nilai  $r = 0.001$ ,  $p = 0.000 < 0.00$ . oleh itu, hipotesis nul 5 ini telah ditolak. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kelayakan ikhtisas dengan pengetahuan guru dalam pengajaran abad ke-21. Nilai  $r$  yang rendah mempunyai hubungan yang lemah. Hal ini bermaksud faktor pengalaman mengajar mempengaruhi pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.

**JADUAL 4: Keputusan ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu**

		Pengetahuan Guru	Pengalaman Mengajar
Pengalaman Mengajar	Pearson Correlation	-	0.001*
	Sig. (2tailed)	-	0.615
	N	210	210
Pengetahuan Guru	Pearson Correlation	0.001*	
	Sig. (2tailed)	0.615	
	N	210	210

\*\*Signifikan pada aras signifikan 0.05

## **PERBINCANGAN**

Dapatkan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara faktor umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran abad ke-21.

Dari segi faktor umur, dapat kajian menunjukkan tidak ada hubungan korelasi antara faktor umur dengan pengetahuan guru dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Faktor umur tidak mempengaruhi pengetahuan guru dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan yang dilakukan oleh Noordiana dan Zamri (2017) yang mendapati penerapan kemahiran abad ke-21 oleh guru tidak dipengaruhi oleh faktor umur, sebaliknya dipengaruhi oleh pengalaman mengajar. Guru-guru yang baharu mengajar dan masih muda mempunyai pengetahuan yang sama dengan guru yang sudah lama mengajar dan berpengalaman. Walau bagaimanapun, kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Nurazidawati (2011) yang mendapati faktor umur memberi kesan positif kepada penerapan kemahiran abad ke-21 oleh guru.

Dari segi kelayakan akademik dengan pengetahuan guru terhadap kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang tidak signifikan. Statistik menunjukkan kekuatan hubungan ini pada tahap sangat lemah berdasarkan nilai  $r = 0.073$  dan pada aras signifikan 0.320 ( $p < 0.05$ ). Hal ini bermakna faktor kelayakan akademik tidak mempengaruhi pengetahuan guru dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini bertentangan dengan kajian Noordiana dan Zamri (2017) serta Ermertah (2018) yang mendapati bahawa faktor kelayakan akademik turut memberi kesan kepada penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Guru opsyen Bahasa Melayu dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan lebih banyak menerapkan kemahiran abad ke-21 jika dibandingkan dengan guru bukan opsyen dan bukan berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu.

Dari segi pengalaman mengajar pula, dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara pengalaman mengajar dengan pengetahuan guru terhadap kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Nilai pekali korelasi yang diperoleh ialah  $r = 0.001$ . Hal ini bermaksud pengetahuan guru

tentang kemahiran abad ke-21 dengan pengalaman mengajar mempunyai hubungan yang positif. Guru yang berpengalaman mengajar mempunyai pengetahuan yang mendalam dan tahu bagaimana hendak menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajarannya, berbanding guru yang baharu mengajar. Dapatkan kajian menyamai kajian yang dilakukan oleh Nurazidawati (2011) serta Sofiana dan Zamri (2019) yang mendapati bahawa faktor pengalaman mengajar memberi impak besar kepada penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran guru.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini memberi input terhadap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pengajaran dan pembelajaran kemahiran abad ke-21. Hasil kajian ini mendapati guru bersedia untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membangun pendidikan negara yang berkualiti. Hal ini kerana kemahiran abad ke-21 merupakan satu konstruk yang tidak susah untuk diterapkan dalam pembelajaran.

Pengetahuan guru Bahasa Melayu yang tinggi dapat membantu meningkatkan keyakinan dan semangat mereka untuk melaksanakan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. Seajar dengan itu, pengetahuan yang tinggi berupaya menjadikan guru Bahasa Melayu lebih kreatif dan inovatif di dalam bilik darjah.

Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 oleh guru memberi kelebihan kepada pelajar untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dengan cemerlang. Selain daripada itu, proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan guru mempunyai pelbagai kaedah dan cara menyampaikan pengajaran. Hal ini akan melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif. Guru akan mengajar pelajar dengan aktiviti yang meningkatkan kreativiti dan inovasi pelajar. Harapan kajian ini dapat memenuhi anjakan 10 PPPM 2013-2025, iaitu memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit yang dilaburkan oleh KPM dalam sektor pendidikan.

## KESIMPULAN

Pendidikan abad ke-21 merupakan satu transformasi yang dilakukan dalam memperbaharui taraf pendidikan sedia ada supaya

sistem pendidikan menjadi lebih fleksibel, kreatif, mencabar dan lebih kompleks (Faridah et al.). Guru sebagai tonggak utama dalam bilik darjah perlulah seharusnya mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam mencapai pembentukan pendidikan abad ke-21 yang benar-benar berkesan. Pengajaran abad ke-21 oleh guru-guru mampu menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian ini menunjukkan pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan kemahiran abad ke-21 memberikan impak yang tinggi dan positif terhadap pembelajaran pelajar. Menerusi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, pelajar akan belajar dalam situasi pembelajaran yang lebih seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek yang difokuskan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

## RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2012). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2: Asas statistik penyelidikan*. Edisi Ke-2 Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Ernerah Johari. (2018). Penyerapan pemikiran inventif dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah dan sekolah menengah berdasarkan jantina, pengalaman mengajar dan kategori sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2): 39-47.
- Faridah Mariani Johari, Norlia Abd Aziz, Widad Othman, Hirul Nizam dan Zainuddin Md Isa. (2014). Amalan Pengajaran Kemahiran Abad ke-21 Di Kolej Sungai Petani 1, Kedah Darul Aman, Malaysia. Proceedings the 8<sup>th</sup> International Conference on Indonesia-Malaysia Relations, Pekan Baru, 23-25 September 2014.
- Hamdan Hamami & M. Al-Muz-zammil Yasin. (2014). Beban tugas guru sekolah dan peranan pentadbir sekolah. Proceedings of International Education Postgraduate Seminar, 2: 399-412. Pada 23-24 Disember 2014, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, Malaysia.
- Innovative Teaching and Learning. (2011). Innovative teaching and learning research: Findings and implications. [wnload/c4/5c45eb9d7-7685-4afde9d7-7685-4af85b3dc66f09277ab/ithresearch2011findigs.pdf](http://wnload/c4/5c45eb9d7-7685-4afde9d7-7685-4af85b3dc66f09277ab/ithresearch2011findigs.pdf) (diakses pada 23 November 2018)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Mohammed Sani Ibrahim & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2012). *Kepimpinan pendidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noordiana Abu Bakar & Zamri Mahamod. (2017). Kesediaan guru terhadap implementasi kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu daerah Limbang. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Ke-6, 655-674. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Omar. (2015). Amalan guru Pendidikan Islam berfokuskan kepada budaya murid: Kajian kes di negeri Sarawak. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurazidawati Mohamad Arsat. (2011). Penyepadan kemahiran-kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajendran, N.S. (2010). Teaching thinking skills at institutions of higher learning: Lesson learned. Pertanika *Journal of Social Science and Humanities*, 18: 1-14.
- Ramlee Mustapha & Abu Abdullah. (2004). Malaysia transitions toward a knowledge-based economy. *The Journal of Technology Studies, Education*, 3: 51-62.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (Pnyt.). (2018). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran: Mengoptimalkan pembelajaran pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sofiana Hassan & Zamri Mahamod. (2019). Kesediaan guru Bahasa Melayu terhadap pengajaran abad ke-21 di Sibu, Sarawak. Dlm. Norsofiah Abu Bakar, Radiah Yusoff, Muhammad Zuhair Zainal & Wan Azni Wan Mohamad. (Pnyt.). Linguistik, bahasa dan pendidikan, 1297-308. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.